

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT Kempen RHB SME Signature Reward ("Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini")

Pelanggan-pelanggan yang berminat untuk menyertai kempen ini dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mendaftar penyertaan mereka dalam kempen ini.

Mana-mana pelanggan yang tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat ini boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB, yang butiran hubungannya dinyatakan dalam klausa Terma dan Syarat Am di bawah.

PENGANJUR-PENGANJUR KEMPEN

1. **Kempen ini Kempen SME Signature Reward ("Kempen")** dianjurkan oleh RHB Bank Berhad [No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)] dan RHB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran 200501003283 (680329-V)] (secara kolektif, "**RHB**").

TEMPOH KEMPEN

2. Kempen ini berlangsung dari **15 Disember 2025** hingga **31 Mac 2026** ("**Tempoh Kempen**"), termasuk kedua-dua tarikh.

KELAYAKAN

3. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Perbankan Komuniti sedia ada dan baharu yang ingin membuka Akaun Semasa perniagaan – kedua-dua Akaun Semasa Konvensional dan/atau Akaun Semasa-i Islamik ("**AS/-i**") dan *Multi-Currency Account Call Deposit* "**MCA/-i**") (secara kolektif, "**Peserta-Peserta Yang Layak**" atau setiap satu "**Peserta Yang Layak**"). Pelanggan Perbankan Komuniti merujuk kepada syarikat milikan tunggal, perkongsian, perusahaan kecil dan syarikat.
4. Kempen ini tidak boleh digunakan untuk AS/-i dengan kemudahan overdraf (dengan penggunaan).
5. Individu-individu dan entiti-entiti berikut, pemastautin dan bukan pemastautin, adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini:-
 - a) Kakitangan tetap dan/atau kontrak Kumpulan Perbankan RHB dan ahli keluarga terdekat masing-masing (termasuk pemastautin dan bukan pemastautin); dan
 - b) Wakil dan/atau ejen (termasuk agensi pengiklanan dan promosi) RHB dan ahli keluarga terdekat masing-masing; dan
 - c) Pelanggan yang melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau kesalahan yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh RHB; dan
 - d) Pelanggan yang ditentukan oleh RHB berpotensi untuk melakukan apa-apa kesalahan yang dinyatakan di sini.

"**Kumpulan Perbankan RHB**" bermaksud RHB Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad, RHB Insurance Berhad dan sekutu masing-masing, syarikat-syarikat pemegang, syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat/perbadanan-perbadanan berkaitan, pengganti-pengganti dan penerima serah hak.

"**AS/-i**" bermaksud semua Akaun Semasa Ringgit Malaysia pelanggan Peserta Yang Layak.

MEKANISME KEMPEN

6. Peserta-Peserta Yang Layak dikehendaki mendaftarkan penyertaan mereka di dalam Kempe ini semasa Tempoh Kempen melalui menandatangani surat tawaran **DAN** menggunakan mana-mana satu (1) kaedah berikut:-

Kategori	Kriteria Kempen	Ganjaran Kempen <i>Wang tunai atau hadiah dengan nilai yang setara</i>
Pemegang Akaun Baharu (NTB)	1.1 Menyimpan baki akhir tempoh minimum sebanyak RM500,000 dalam AS/-i / MCA/-i di dalam bulan pertama dan mengekalkan selama dua (2) bulan berturut-turut selepas pendaftaran. Bulan pertama dikira bermula dari bulan pelanggan mencapai baki akhir tempoh sebanyak RM500,000.	RM600
	1.1.1 Mengekalkan baki akhir tempoh minimum sebanyak RM500,000 dalam AS/-i / MCA/-i untuk tiga (3) bulan selanjutnya berturut-turut selepas memenuhi kriteria 1.1 di atas.	RM600
	Jumlah Ganjaran	RM1,200
Pemegang Akaun Sedia Ada (ETB)	1.2 Menyimpan baki akhir tempoh minimum sebanyak RM1,000,000 dalam AS/-i / MCA/-i di dalam bulan pertama dan mengekalkan selama dua (2) bulan berturut-turut selepas pendaftaran. Bulan pertama dikira bermula dari bulan pelanggan mencapai baki akhir tempoh sebanyak RM1,000,000.	RM1,300
	1.2.1 Mengekalkan baki akhir tempoh minimum sebanyak RM1,000,000 dalam AS/-i / MCA/-i untuk tiga (3) bulan selanjutnya berturut-turut selepas memenuhi kriteria 1.2 di atas.	RM1,300
	Jumlah Ganjaran	RM2,600
	2.1 Tambah dana baki akhir tempoh sebanyak RM250,000* di dalam AS/-i/ MCA/-i dan mengekalkan penambahan dana itu untuk dua (2) bulan berturut-turut Nota: Hanya terpakai bagi pelanggan yang mempunyai jumlah baki akhir tempoh sebanyak RM1,000,000 dalam AS/-i/ MCA/-i selepas penambahan dana di atas	RM500
	2.1.1 Mengekalkan penambahan dana sebanyak RM250,000 untuk tiga (3) bulan selanjutnya berturut-turut selepas memenuhi kriteria 2.1 di atas.	RM500
	Jumlah Ganjaran	RM1,000
Transaksi mata wang (FX)	Pelanggan baharu FX***: Penukaran mata wang dengan jumlah transaksi RM1,000,000 ke atas yang dilakukan semasa Tempoh Kempen Pelanggan Sedia Ada FX***: Peningkatan inkremental sebanyak RM1,000,000 untuk jumlah transaksi penukaran mata wang yang dilakukan semasa tempoh kempen (Perbandingan akan dibuat dengan jumlah transaksi penukaran mata wang yang dibuat pada bulan September 2025, October 2025 dan November 2025) Nota: - Pelanggan boleh layak menerima ganjaran ini walaupun tidak memenuhi kriteria NTB/ETB di atas - Setiap perniagaan layak menerima Baucar AEON sebanyak RM200	RM100 Baucar AEON untuk urus niaga yang berjaya sepanjang Tempoh Kempen (dan juga menepati Kriteria Kempen) DAN RM100 Baucar AEON Tambahan jika pelanggan berjaya menempah sekurang-kurangnya satu urus niaga melalui RHB Live FX @ Reflex**



Nota:

- a) Contoh Ganjaran Kempen untuk Kategori NTB:

Senario 1

Bulan	3 bulan pertama	Bulan Keempat	Bulan Kelima	Bulan Keenam	Jumlah Ganjaran
Baki Akhir (EOP)	RM500,000	RM500,000	RM500,000	RM500,000	
Ganjaran Tunai	RM600	RM600			RM1,200

Senario 2

Bulan	3 bulan pertama	Bulan Keempat	Bulan Kelima	Bulan Keenam	Jumlah Ganjaran
Baki Akhir (EOP)	RM500,000	RM1,000,000	RM1,000,000	RM1,000,000	
Ganjaran Tunai	RM600	RM1,300			RM1,900

Senario 3

Bulan	3 bulan pertama	Bulan Keempat	Bulan Kelima	Bulan Keenam	Jumlah Ganjaran
Baki Akhir (EOP)	RM500,000	RM1,000,000	RM600,000	RM1,000,000	
Ganjaran Tunai	RM600	RM600			RM1,200

- b) Hanya MCA/i *Call Deposit* sahaja yang akan diambil kira sebagai kriteria kempen. MCA/i *Term Deposit* akan dikecualikan.
- c) Peserta-peserta Yang Layak yang mengekalkan deposit untuk tiga (3) bulan pertama akan masih diberi ganjaran tertakluk dengan kriteria kempen di atas.
- d) NTB merujuk kepada pelanggan yang membuka akaun baru dengan RHB semasa Tempoh Kempen (tanpa hubungan dengan RHB sebelum pelancaran Kempen). ETB merujuk kepada pelanggan yang mempunyai akaun atau produk perbankan lain dengan RHB sebelum pelancaran Kempen.
- e) Hanya terpakai bagi pendaftaran AS/-i/ MCA/i RHB yang dibuat pada atau sebelum 31 Mac 2026, pendaftaran yang dibuat selepas itu tidak akan dipertimbangkan. Hanya baki akhir tempoh AS/-i/ MCA/i RHB pada atau sebelum 31 Ogos 2026 sahaja yang akan dikira sebagai pemenuhan kempen.
- f) EOP merujuk kepada baki akhir hari terakhir bulan itu. Peningkatan ditakrifkan sebagai bulan Kempen tolak garis dasar
- g) *Garis dasar adalah baki akhir tempoh AS/-i/ MCA/i bagi bulan November 2025.
- h) **Setiap perniagaan layak mendapat baucar AEON sebanyak RM200 dan akan diberikan berdasarkan siapa cepat dia dapat.
- i) ***Pelanggan baharu FX – Pelanggan tanpa sebarang transaksi FX dari Januari 2025 hingga November 2025.
- j) ***Pelanggan sedia ada FX – Pelanggan yang sudah membuat transaksi FX dari Januari 2025 hingga November 2025.



SYARAT-SYARAT PEMILIHAN PEMENANG DAN PEMENUHAN GANJARAN

7. RHB berhak untuk mengganti Ganjaran Kempen dengan hadiah lain yang mempunyai nilai atau spesifikasi yang sama dengan memberikan notis awal yang mencukupi kepada Peserta-Peserta Yang Layak.
8. Ganjaran Kempen akan dikreditkan ke dalam AS/-i RHB aktif milik Peserta-Peserta Yang Layak atau akan dihantar ke alamat yang didaftar, dua (2) bulan selepas bulan pemenuhan kriteria Kempen.
9. Peserta-Peserta Yang Layak mesti mempunyai status akaun aktif dalam tempoh pemenuhan Kempen.
10. Peserta-Peserta Yang Layak dikehendaki mendaftarkan penyertaan mereka di dalam Kempen ini melalui menandatangani surat tawaran.
11. RHB boleh mendedahkan atau menerbitkan nama syarikat Pemenang dan nombor pendaftaran perniagaan di dalam bahan media, pemasaran, laman web RHB atau pengiklanan untuk tujuan Kempen ini.
12. Peserta-Peserta Yang Layak hanya dibenarkan menyertai satu Kempen sahaja yang mempunyai elemen Akaun AS/-i/ MCA/-i sepanjang Tempoh Kempen. Jika pelanggan dipilih/layak untuk memenangi ganjaran daripada lebih daripada satu kempen, Peserta-Peserta Yang Layak akan layak mendapat Ganjaran Kempen dengan nilai tertinggi sahaja.
13. Hanya Akaun AS/-i/ MCA/-i RHB yang sah dan aktif, yang tidak ditutup, tidak aktif, ditamatkan atau disekat pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen dan sebelum ganjaran Kempen dikreditkan, layak untuk menyertai Kempen dan memenangi Ganjaran Kempen. Jika pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen dan/atau sebelum ganjaran Kempen dikreditkan, AS/-i RHB menjadi tidak aktif atau ditutup, ditamatkan atau disekat atas apa-apa sebab sekalipun, Peserta-Peserta Yang Layak akan terbatal kelayakannya daripada Kempen dan akan digantikan dengan Peserta Layak yang seterusnya.
14. Pemenang hendaklah bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai, kos sampingan dan/atau sebarang caj lain yang berkaitan dengan Ganjaran Kempen melainkan dinyatakan sebaliknya, Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang cukai.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM

Dengan menyertai Kempen, setiap Peserta Yang Layak bersetuju dengan perkara berikut:-

- (a) beliau terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
- (b) (i) dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi, RHB boleh:-
 - (1) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini atau menggantung atau menamatkan Kempen ini berikutan pengenalan atau perubahan dalam mana-mana undang-undang atau keperluan-keperluan kawal selia yang terpakai kepada RHB dan/atau Kempen ini; atau
 - (2) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini jika, tanpa perubahan sedemikian, Bank tidak akan dapat memberi kesan kepada Kempen ini.

- (ii) RHB boleh memberi notis sedemikian:-
 - (1) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian kepada Peserta-Peserta Yang Layak;
 - (2) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) untuk perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian melalui Perkhidmatan Mesej Ringkas (*Short Message Service ("SMS")*) atau Mesej Langsung Elektronik (*Electronic Direct Message ("EDM")*) kepada Peserta-Peserta Yang Layak; atau
 - (3) dengan memaparkan notis tersebut dan sebab(-sebab) bagi perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian di cawangan-cawangan RHB atau laman web RHB.
- (iii) Mana-mana Peserta Yang Layak yang tidak bersetuju dengan perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian dikehendaki memberitahu RHB dan tidak akan lagi berhak untuk menyertai Kempen ini.
- (c) visual-visual ganjaran atau hadiah (setiap satu "**Ganjaran Kempen**") dan semua benda lain yang ditunjukkan dalam semua bahan dan penerbitan yang berkaitan dengan Kempen ini dan di laman web RHB adalah untuk tujuan-tujuan ilustrasi dan hiasan sahaja dan tidak menjadi sebahagian daripada Ganjaran-Ganjaran Kempen ini;
- (d) beliau tidak dibenarkan memilih warna atau reka bentuk Ganjaran Kempen (jika Ganjaran Kempen itu adalah sesuatu barang);
- (e) Ganjaran-Ganjaran Kempen itu tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau sebarang bentuk pembayaran monetari lain;
- (f) mana-mana Peserta Yang Layak yang telah menipu atau melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang atau penipuan berhubung dengan Kempen ini dan/atau produk yang digunakan dalam Kempen ini, akan digugurkan daripada Kempen ini;
- (g) RHB tidak bertanggungjawab ke atas keadaan atau sebarang kehilangan atau kerosotan atau kerosakan pada Ganjaran-Ganjaran Kempen setelah diterima oleh Peserta-Peserta Yang Layak.

Peserta-Peserta Yang Layak dinasihatkan untuk menyemak keadaan Ganjaran Kempen masing-masing sebelum menerima Ganjaran Kempen yang sama (jika Ganjaran Kempen adalah sesuatu barang);
- (h) beliau bertanggungjawab ke atas semua cukai dan yuran dan caj lain yang dikenakan terhadapnya di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, untuk penerimaan Ganjaran Kempen;
- (i)
 - (i) RHB dikehendaki mendapatkan dan memproses maklumat peribadi Peserta-Peserta Yang Layak untuk mentadbir Kempen;
 - (ii) dengan memberikan maklumat peribadi, Peserta-Peserta Yang Layak telah bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHB; dan
 - (iii) mana-mana Peserta-Peserta Layak yang tidak bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHB dikehendaki memaklumkan RHB dan tidak lagi berhak untuk menyertai Kempen ini;

- (j) beliau seterusnya memberi kebenaran-kebenaran kepada RHB untuk mendapatkan dan memproses maklumat peribadinya untuk tujuan-tujuan penjualan silang, pemasaran dan promosi produk-produk dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB atau pakatan strategiknya yang RHB fikir mungkin menarik minatnya. Beliau mempunyai pilihan untuk memilih sama ada untuk menerima bahan pemasaran dan promosi untuk bahan yang sama daripada RHB dan boleh memilih atau menukar pilihannya dengan menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB seperti berikut:

Pusat Hubungan Pelanggan RHB

E-mel : customer.service@rhbgroup.com

Telefon No. : +603-9206 8118

Borang : rhbgroup.com/personal/banking-methods/contactus.html;

- (k) gambar-gambar/imej-imej berserta nama-nama Pemenang Ganjaran Kempen boleh digunakan dalam pengumuman RHB tentang Pemenang-Pemenang Ganjaran Kempen;
- (l) RHB tidak bertanggungjawab ke atas ketidakterimaan, atau sebarang kelewatan dalam penerimaan, sebarang Ganjaran Kempen Pemenang Ganjaran Kempen yang disebabkan oleh:-
- (i) penggantungan atau penamatan Kempen ini
 - (ii) tindakan Pemenang Ganjaran Kempen sedemikian atau tidak bertindak; atau
 - (iii) oleh sebarang tindakan Tuhan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, kekecohan awam atau tindakan keganasan yang tidak dikaitkan dengan RHB dan/atau mana-mana pekerja, wakil dan ejennya;
- (m) melainkan jika terdapat sebarang kesilapan yang nyata (jelas), keputusan RHB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Peserta-Peserta Yang Layak;
- (n) beliau boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB untuk semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini (termasuk sebarang permintaan untuk menukar atau mengehadkan pemprosesan maklumat peribadinya) kepada Pusat Hubungan Pelanggan RHB;
- (o) jika beliau tidak berpuas hati dengan resolusi yang diberikan oleh Pusat Hubungan Pelanggan RHB:-
- (i) beliau kemudiannya boleh merujuk perkara itu kepada pengendali Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia:

Financial Markets Ombudsman Services (FMOS)

(Dahulunya dikenali sebagai Ombudsman for Financial Services)

Alamat: Level 14, Menara Takaful Malaysia

No 4, Jalan Sultan Sulaiman

50000 Kuala Lumpur

No. Telefon: +603-2272 2811

Borang Web: <https://complaint.fmos.org.my/open.php>

Laman Web: <https://www.fmos.org.my/bml/>

- (p) jika berlaku sebarang percanggahan antara Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan mana-mana bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan digunapakai bagi perkara-perkara yang ditadbir oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.



14. Akaun Semasa Perniagaan/-i RHB dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.